

Kesantunan Bahasa Dalam Kata Perbilangan Adat Perpatih : Satu Tinjauan Awal

*Norhana Bakhary
Zaitul Azma Zainon Hamzah
Mohd Zariat Abd Rani
Omrah Hussin
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Univesiti Putra Malaysia*

Abstrak

Kata perbilangan adat yang tergolong dalam kategori puisi Melayu lama merupakan hasil sastra tradisi lisan. Kata-kata perbilangan adat juga dikenali sebagai “sastra berfungsi” kerana kata perbilangan adat ini memainkan peranannya dalam menggambarkan corak kehidupan dan kebudayaan masyarakat Melayu khususnya masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih. Melalui perbilangan Adat Perpatih telah berjaya memerikan seluruh perjalanan hidup masyarakat pengamalinya termasuklah dalam menyatakan sistem ekonomi, politik dan sosial masyarakat. Oleh itu, penggunaan ungkapan kata-kata perbilangan adat adalah sebagai pelengkap yang mengunci sendi adat agar bertambah kukuh dan kental termasuklah dari aspek kesantunan berbahasa. Kesantunan berbahasa ditakrifkan sebagai tatacara atau peraturan yang wujud dalam berbahasa, yang merujuk kepada cara dan bentuk bahasa yang digunakan oleh seseorang. Justeru objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen kesantunan yang terdapat dalam kata perbilangan Adat Perpatih berdasarkan pendekatan pragmatik menggunakan Model Kesantunan yang dikemukakan oleh Leech (1993).

Abstract

Matrilineal Law Proverb (Kata Perbilangan Adat Perpatih) belongs to the category of Malay poetry is the result of a long tradition of oral literature. Custom proverb words are also known as “literature function” that play its role in reflecting the pattern of life and culture community especially the society which practiced Matrilineal Law (Adat Perpatih). Through Matrilineal Law Proverb, has described the entire course of life, including practitioners in the state system of economic, political and social community. As such, remark expression use Matrilineal Law Proverb is as complement the traditional joint locks to grow strong and resilient including from verbal politeness aspect. Language politeness is defined as procedure or rule that exists in verbal, which refers to way and linguistic form in communication. Thus, the objective of this study were to identify politeness elements occur in Matrilineal Law Proverb according to pragmatic approach based on Politeness Model presented by Leech (1993).

Pengenalan

Kata perbilangan adat Perpatih adalah kata-kata adat yang disampaikan dalam bentuk puisi secara lisan dari satu generasi ke satu generasi dalam masyarakat adat Perpatih. Kata perbilangan adat merupakan kata-kata yang membawa konotasi adat. Ini dijelaskan oleh Zaaba (1965):

“perbilangan ialah seakan-akan bidalan dan pepatah juga hanya lainnya

berenggan dua, tiga atau lebih. disebut lepas satu, satu seperti membilang dan isinya kebanyakan sudah jadi seperti undang-undang yang tetap”.

Undang-undang tetap yang dimaksudkan ialah undang-undang adat iaitu yang mengandungi aturan-aturan pada mulanya tidak bertulis, disampaikan dalam bentuk puisi secara lisan dalam masyarakat adat Perpatih. Mohd Yusof bin Md. Nor (1994) menjelaskan kata perbilangan ialah puisi bebas yang mengandungi kata-kata yang bernas dan tepat pada yang dimaksudkan.

A. Samad Idris (1994) seterusnya melengkapkan definisi kata perbilangan dengan menjelaskan bahawa kata perbilangan ialah bidalan yang *bercegung* dua atau lebih. Perbilangan bersifat seakan-akan undang-undang. Bagi Nordin Selat (1975), kata perbilangan Adat Perpatih juga dikenali sebagai *kata pusaka*. Kata perbilangan menjadi rangka ukuran pola dan peraturan hidup masyarakat adat Perpatih.

Hal ini diperakui oleh Dharmawijaya (1994), menurutnya kata perbilangan itu mengandungi peraturan dan petunjuk yang digunakan sebagai pedoman serta amalan dalam seluruh aspek aktiviti kehidupan masyarakat. Dengan ini jelaslah, bahawa, kata perbilangan ialah rangkaian kata-kata atau ungkapan yang disusun indah dan mempunyai maksud yang berkaitan dengan falsafah dan panduan hidup khususnya bagi kehidupan masyarakat pengamal adat Perpatih.

Sebagai puisi lisan, kata perbilangan adat Perpatih tidak mementingkan keseragaman kata seperti pantun dan syair. Aspek yang dipentingkan ialah idea di sebalik kata perbilangan itu. Mohd. Yusuf bin Md. Nor (1984) seterusnya menegaskan tema atau isi perbilangan adat banyak memberi gambaran kepercayaan, nilai dan pegangan hidup masyarakat, gambaran perlakuan dan tingkah laku serta peraturan yang mesti dipatuhi.

Justeru, usaha memahami maksud kata perbilangan adat adalah umpama melalui sebatang jambatan merentasi sungai yang lebar. Jambatan kata-kata inilah yang dapat menyerlahkan alam pemikiran manusia Melayu melalui proses bahasa yang dilahirkan melalui kata perbilangan adat. Hal ini demikian kerana, pemilihan setiap kata dalam perbilangan merupakan satu kerja yang dilaksanakan dengan penuh hati-hati agar sentiasa segar dan sesuai dipakai sepanjang zaman, seperti yang disebut dalam perbilangan:

Yang elok dipakai,
yang buruk dibuang,
adat dipakai baru,

kain dipakai usang.

Kajian Adat Perpatih

Terdapat beberapa kajian tentang perbilangan adat Perpatih yang telah dijalankan oleh para pengkaji barat dan tempatan. Kajian yang dijalankan oleh pengkaji barat adalah seperti kajian yang dijalankan oleh J.L. Humphrey dengan tulisannya “*A Naning Terumba*” (1928), R.O Winstedt, “*Some Rembau Customary Song*” (1928) dan A. Caldecott yang berjudul “*Jelebu Customary Songs and Saying*” dengan pendahuluan dan catatan oleh R.O Winstedt (1931). Kajian oleh pengkaji-pengkaji Barat tersebut lebih merupakan pendokumentasian kata perbilangan adat dari bahasa Melayu ke dalam bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Inggeris.

Selain daripada itu terdapat juga sarjana tempatan yang telah membuat kajian terhadap kata perbilangan adat ini. Antaranya ialah Dharmawijaya (1994) melalui kajiannya yang bertajuk “Perbilangan Adat Perpatih Ditinjau Dari Segi Keindahan Bahasanya”. Mohd Yusof Md Nor (1994), “Perlambangan Dalam Perbilangan Adat Perpatih”, dan Abdul Samad Idris, “Secebis Mengenai Adat Perpatih Nilai Dan Falsafahnya”. Nama-nama seperti Noraziz Selat, Nordin Selat, Norhalim Ibrahim juga merupakan sarjana yang aktif menjalankan kajian terhadap kata perbilangan adat. Namun kebanyakan kajian di atas tertumpu pada kata perbilangan itu sendiri terutama dari segi estetika, perlambangan, dan dasar-dasar adat yang berkaitan dengan kata perbilangan. Kajian langsung tentang peranan kata perbilangan dalam masyarakat adat Perpatih dilakukan oleh Mohd Rosli Saludin (2005) yang memberi tumpuan kepada aspek komunikasi teromba dalam kepimpinan Adat Perpatih.

Hasil penyelidikan dalam bentuk buku pula, lebih merupakan pengumpulan atau pendokumentasian kata perbilangan adat yang merangkumi teromba, pepatah petitih dan bidalan. Dengan demikian, begitu kurang ditemui proses penyelidikan yang dilandasi oleh penelitian, penghuraian dan pentafsiran. Setakat ini hasil penyelidikan terhadap kata perbilangan adat dalam bentuk yang komprehensif dan interpretatif belum banyak ditemui (Mohd Rosli, 2005).

Justeru untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan maka kajian ini dijalankan sebagai satu tinjauan awal untuk mengenal pasti elemen-elemen kesantunan bahasa yang terdapat dalam kata perbilangan adat Perpatih. Hal ini demikian kerana telah banyak timbul tanggapan negatif yang dikaitkan dengan pengamalan adat Perpatih khususnya oleh masyarakat di luar adat.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti elemen-elemen kesantunan bahasa yang terdapat dalam kata perbilangan adat Perpatih menggunakan model prinsip kesantunan Leech (1983). Kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis aspek kesantunan berbahasa dalam kata perbilangan adat Perpatih dengan berdasarkan bidang pragmatik. Pengkaji memilih bidang ini kerana bidang ini dipercayai lebih mampu menjelaskan aspek penggunaan bahasa dalam konteks sebenar dan menghuraikan makna-makna ujaran. Dalam hal ini pengkaji menggunakan model perlakuan pertuturan yang diketengahkan oleh Leech (1983) yang juga dikenali sebagai prinsip kesantunan Leech sebagai landasan untuk menganalisis data. Reka bentuk kajian ini pada keseluruhannya adalah berupa analisis teks yang menggunakan kaedah deskriptif.

Model Prinsip Kesantunan Leech (1983)

Ekoran daripada kritiknya terhadap model prinsip kerjasama Grice khususnya pada maksim kualiti dan kuantiti yang dikatakan tidak praktikal apabila penutur tidak berterus terang dalam menyampaikan sesuatu maksud, Leech (1983) telah mengemukakan satu model yang dikenali sebagai model prinsip kesantunan yang dianggap sebagai penyelamat dan pelengkap kepada prinsip kerjasama kerana prinsip kesantunan lebih mementingkan faktor budaya masyarakat dan psikologi pengguna dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. Ringkasnya konsep asas prinsip kesantunan ini ialah mengurangkan ungkapan yang tidak beradab dan membanyakkan pendapat yang beradab.

Terdapat enam maksim kesantunan yang dicadangkan oleh Leech, iaitu:

- a. Maksim santun / berhemah - Meminimumkan kos dan memaksimumkan manfaat kepada orang lain.
- b. Maksim budiman/dermawan - Meminimumkan faedah/manfaat dan memaksimumkan kos ke atas diri sendiri
- c. Maksim sokongan/sanjungan - Meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain.
- d. Maksim merendah diri/ kerendahan hati - Meminimumkan pujian terhadap diri dan sendiri dan memaksimumkan cacian terhadap diri sendiri
- e. Maksim persetujuan – meminimumkan perbalahan, memaksimumkan persetujuan antara diri dengan orang lain.

- f. Maksim simpati – meminimumkan antipati dan memaksimumkan simpati antara diri dengan orang lain.

Melalui prinsip kesantunan, Leech telah mengutarakan dua konsep penting iaitu “ambivalens” (ambivalence) dan prinsip-prinsip pragmatik (*Pragmatic Principles*). Ambivalens ialah ujaran yang mengandungi lebih satu kuasa pragmatik yang berupaya menyampaikan mesej dalam dua keadaan. Contohnya ujaran-ujaran yang diungkapkan itu mungkin tidak disenangi oleh pendengar tetapi tidak pula membuatkan pendengar berasa hati atau tersinggung perasaannya. Prinsip pragmatik pula ialah perlakuan ilokusi yang dalam semua keadaan cuba meminimumkan pernyataan kepercayaan yang tidak sopan dan memaksimumkan pernyataan kepercayaan yang sopan.

Dalam mengutarakan maksim-maksim kesopanan ini, dua perkara penting tentang ilokusi telah dijadikan rujukan iaitu fungsi ilokusi dan kategori lakuan ilokusi. Secara ringkasnya fungsi ilokusi boleh dikelaskan kepada empat jenis seperti di bawah dan setiap fungsi itu dikaitkan dengan matlamat sosial untuk membentuk dan menyelenggarakan sikap hormat. (Leech:1983).

- a. Bersaingan : Matlamat ilokusi bersaing dengan matlamat sosial; misalnya memerintah, meminta, mendesak , dan merayu.
- b. Beramah-tamah : Matlamat ilokusi sama dengan matlamat sosial; misalnya mempelawa, menjemput, menyapa, mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah.
- c. Kolaboratif : Matlamat ilokusi tidak peka terhadap matlamat social; misalnya menyatakan, melaporkan, mengumumkan, mengarahkan.
- d. Berkonflik : Matlamat ilokusi berkonflik dengan matlamat sosial, misalnya mengancam, menuduh, menyumpah dan mencela.

Manakala lakuan ilokusi pula adalah seperti berikut:

- a. Penegasan : Mengakibatkan penutur bertanggungjawab terhadap kebenaran proposisi yang diungkapkannya; misalnya menyatakan, menyarankan, bercakap besar, mengadu, mendakwa, melapor.
- b. Arahan : Digunakan untuk menghasilkan kesan tertentu melalui lakuan yang dibuat oleh pendengar; menyuruh, memerintah, memohon menasihati, mengesyorkan.
- c. Komisif : Mengakibatkan penutur (secara bersungguh atau kurang) melakukan sesuatu pada masa hadapan; Misalnya, berjanji, bersumpah, mempelawa

- d. Ekspresif : Digunakan untuk mengungkapkan atau menyerlahkan sikap psikologi penutur terhadap sesuatu keadaan tertentu; misalnya, mengucapkan terima kasih, mengucapkan tahniah, mengampunkan, menuduh, memuji.
- e. Perisytiharan : Kejayaan melakukannya akan mengakibatkan adanya kesejajaran antara proposisi dengan realiti; misalnya, meletak jawatan, menamakan, memutuskan hubungan, melantik, menjatuhkan hukuman.

Fungsi ilokusi ialah peranan yang dimainkan dari segi matlamat, manakala lakuan ilokusi pula ialah tatatingkat bentuk lakuan yang dilahirkan oleh makna kata dari segi matlamat. Kepentingan kedua-duanya ialah dapat menjelaskan perkaitan antara maksud dengan kuasa dalam maksud ujaran. Fungsi ilokusi dilihat lebih bertanggungjawab untuk menjelaskan maksud sesuatu ujaran dan lakuan ilokusi pula menjelaskan bagaimana maksud ujaran dapat melahirkan jenis-jenis lakuan ilokusi dan seterusnya melahirkan lakuan bahasa.

Tegasnya kesemua maksim dalam prinsip kesantunan adalah untuk menjelaskan batas, jenis serta bentuk-bentuk pertuturan atau bahasa yang sopan di samping berperanan menjelaskan maksud dalam keadaan bekerjasama, harmoni serta memberi dan menerima maksud pertuturan yang dikongsi itu. Melalui prinsip kesantunan juga, Leech mengemukakan bahawa perkara yang paling penting ditekankan ialah maksud yang ingin disampaikan dalam setiap komunikasi dan sejauh mana makna sebenar difahami oleh pendengar atau penerima.

Kesantunan dalam Kata Perbilangan berdasarkan Maksim Leech (1983).

Kata-kata yang dipakai dalam perbilangan adat Perpatih sama pentingnya dengan mesej yang hendak disampaikan. Sehubungan dengan itu, pengertian pilihan kata atau diksi jauh lebih luas dari apa yang dipantulkan oleh jalinan kata-kata itu (Gorys Keraf, 1984). Pemilihan dan penyusunan kata-kata dalam perbilangan adat melambangkan jati diri pencipta dan pengamalnya, iaitu dengan memaparkan kehalusan rasa, kemesraan tutur kata dan kelembutan budi bicara orang Melayu yang bervariasi sifatnya. Hal ini, menunjukkan yang benar-benar dipentingkan bukan keseragaman kata tetapi idea atau falsafah yang tersembunyi di sebalik lipatan kata-kata tersebut (Nordin Selat, 1975). Kata-kata ini cuba disampaikan dengan cara yang santun namun memberi kesan.

Penggunaan Maksim Santun/Berhemah

Satu perkara yang menarik untuk melihat cara dan teknik yang digunakan oleh seseorang itu adalah dengan menjalankan sesuatu perundingan atau perbincangan, khususnya dalam

perbincangan beradat. Salah satu daripadanya tentang susunan kata yang akan dilahirkan mengikut peringkat demi peringkat. Peringkat-peringkat ini dibicarakan melalui perkara-perkara pokok yang dianggap sebagai permulaan persembahan hinggalah kepada maksud yang sebenarnya.

Jika dinilai daripada keadaan suasana masa kini, mungkin perlakuan ini seolah-olah dilihat sebagai suatu perbuatan yang membuang masa, sedangkan masa itu amat berharga dalam kehidupan sehari-hari. Namun perkara pokok yang harus dilihat dalam konteks ini ialah tentang kewujudan dan kemampuan pemikiran anggota masyarakat dengan tradisi lisan yang dimilikinya, kerana setiap kata yang dilahirkan adalah dari daya ingatan dan kemahiran semula jadi tanpa bantuan teks.

Pada masa yang sama maksud yang hendak diucapkan disampaikan dengan cara yang paling santun demi menjaga hubungan antara pelbagai pihak yang hadir dalam majlis tersebut. Biasanya sebelum sampai kepada maksud sebenarnya, pihak yang bertanggungjawab akan membicarakan satu persatu pernyataan yang pada umumnya berkaitan dengan dasar-dasar dan luno adat. Keadaan ini dirasakan perlu untuk memberikan penerangan yang jelas untuk faedah bersama.

Umpamanya dalam acara peminangan, perbicaraan selalunya dimulakan dengan menyatakan beberapa rangkap pantun seperti berikut:

Bukan kacang sebarang kacang,
kacang berjunjung si pohon buluh,
bukan datang sebarang datang
datang menyusun jari nan sepuluh.

Bukan lebah sebarang lebah,
lebah bersarang di hujung tingkap,
bukan sembah sebarang sembah,
sembah saya nak bercakap.

Bukan lebah sebarang lebah,
lebah bersarang di dahan nangka,
bukan sembah sebarang sembah,
sembah adat dengan pesaka.

Mangkuk ada cawan pun ada,
dipusing sama lioknya,

datuk ada tuan-tuan pun ada,
saya pandang sama eloknya.

Kemudian barulah diteruskan dengan mengesahkan tentang perkara yang mahu dibicarakan dengan harapan perbicaraan yang dijalankan akan difahami oleh semua pihak. Hal ini dinyatakan dengan kata-kata:

Usul-usul, asal-asal,
asal jangan ketinggalan,
usul-usul pangkal kata,
terang-terang biar nyata,
biar usul pangkal kata.

Selepas itu akan diberitahu akan tujuan kedatangan mereka. Walaupun kadang kala kedatangan sesuatu rombongan itu telah diketahui, namun hal ini biasanya tetap dinyatakan melalui ungkapan:

Kedatangan saya ini,
pergi kerana disuruh,
berhenti kerana ditegah,
dari tempat semenda membawa sembah,
bagi membawa cincin nan sebetuk.

Seterusnya dilanjutkan lagi dengan ungkapan-ungkapan lain, yang akhirnya sampai kepada kata-kata yang memerlukan jawapan dari pihak yang dilawan berbincang. Hal ini dinyatakan melalui ungkapan:

Kok aso sekata, kata dibalikkan,
kok tak aso sekata, cincin dikembalikan.

Ungkapan di atas sebenarnya merupakan satu pertanyaan yang sangat-sangat memerlukan jawapan. Dalam hal ini pihak yang datang ingin mendapatkan kepastian tentang misi peminangan yang dilakukan itu. Sekiranya pihak yang dipinang bersetuju dengan peminangan tersebut makan “kata dibalikkan” yakni memberikan jawapan dalam bentuk kata yang menyatakan persetujuan. Sebaliknya sekiranya jawapan kepada peminangan tersebut ialah “tidak bersetuju” maka pihak yang dipinang perlulah mengembalikan “cincin tanya”. Cincin tersebut perlu dipulangkan kepada pihak lelaki sebagai simbolik kepada keputusan

menolak misi peminangan tadi.

Seterusnya, sekiranya peminangan tadi mendapat persetujuan daripada kedua belah pihak, maka muncul pula ungkapan yang berkaitan dengan janji dan lain-lainnya. Misalnya:

Janji dibuat dimuliakan,
dalam janji digaduhkan,
sampai janji ditepati,
helah laki-laki lonco tanda,
helah perempuan ganda tanda,
cacat cela dikembali.

Janji di atas kemudiannya diikuti pula dengan ungkapan berbunyi:

Kerja nan elok dipercepatkan,
kerja nan buruk diperlambatkan,
sakit laki-laki lari pada perempuan,
sakit perempuan lari pada laki-laki.

Ungkapan di atas membawa maksud setelah persetujuan oleh kedua-dua pihak terhadap peminangan yang dijalankan, maka penetapan tarikh perkahwinan perlu dibuat. Dalam hal ini disarankan agar kerja-kerja yang membawa kepada kebaikan (perkahwinan) tersebut segera dijalankan bagi mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan kelak.

Pelaksanaan acara peminangan di atas amat bertepatan dengan Maksim santun/berhemah yang disarankan oleh Leech (1983). Bagi Leech, maksim santun/berhemah ialah satu strategi untuk meminimumkan manfaat bagi diri sendiri (memperkecilkan kerugian bagi pendengar) dan cuba untuk memaksimumkan manfaat atau keuntungan kepada orang lain. Maksim ini lebih berpusat kepada orang lain yakni pihak yang dilawan berbincang. Ia terbahagi kepada perkara utama iaitu, negatif (meminimumkan kerugian kepada pendengar) dan positif (memaksimumkan manfaat bagi pendengar). Misalnya apabila mencadangkan sesuatu perlakuan yang akan memanfaatkan pendengar, penutur haruslah cenderung bagi mendapatkan hasil yang positif, iaitu dengan cara menyempitkan peluang pendengar untuk berkata “tidak”.

Kata perbilangannya yang digunakan dalam acara perundingan di atas mempunyai makna yang jelas. Maksim santun/berhemah dapat dilihat apabila penutur cuba meminimumkan kerugian kepada pendengar dan memaksimumkan manfaat bagi pendengar. Pihak yang

datang meminang mempunyai tujuan untuk menyunting anak gadis keluarga yang dikunjungi. Justeru, setiap tutur kata disusun dengan baik agar tidak memperlihatkan “kebongkakan” atau sikap biadab yang akhirnya akan membawa kerugian kepada diri sendiri. Bagi pihak pendengar (yang dilawan berunding) perlakuan santun yang ditunjukkan dalam rundingan (yang bertujuan untuk “memiliki” anak gadis mereka) tidak akan berasa seolah-olah “permintaan” itu sebagai satu paksaan yang boleh menyebabkan seluruh ahli keluarganya berasa hati atau berasa terhina dengan kata-kata yang diujarkan oleh pihak yang datang meminang. Malahan perlakuan santun yang ditunjukkan akan mendorong kepada rasa selesa untuk memberikan persetujuan yang akhirnya membawa kepada kesepakatan yang akan menggembirakan kedua-dua belah pihak. Sebaliknya, jika aspek kesantunan tidak dipatuhi dalam perundingan tersebut memungkinkan keputusan sebaliknya akan terjadi. Kesannya hubungan kedua keluarga yang terlibat akan menjadi renggang.

Fungsi ilokusi tatacara kesantunan dalam kata perbilangan yang digunakan dalam acara perundingan di atas adalah untuk beramah-tamah apabila matlamat ilokusi sama dengan matlamat sosial. Beramah - tamah dalam konteks ini bukanlah untuk tujuan bergurau senda, sebaliknya untuk menyampaikan pernyataan fikiran, maklumat atau tujuan dengan cara yang paling santun. Sikap ini menunjukkan wujudnya kesantunan yang positif, iaitu sebagai satu cara untuk mendapatkan peluang yakni menyampaikan maklumat dan pada masa yang sama mempamerkan sikap hormat penutur kepada pendengar.

Manakala lakuan ilokusi pada peringkat awalnya adalah untuk membuat penegasan tentang tujuan kedatangan rombongan tersebut. Ungkapan ini dituturkan oleh seorang “ketua” atau “wakil rombongan” yang telah dilantik (oleh pihak yang menghantar rombongan peminangan) kepada pihak tuan rumah (pihak yang menerima rombongan peminangan). Justeru bagi pihak yang menuturkan kata perbilangan di atas akan bertanggungjawab terhadap proposisi yang diungkapkannya. Perkembangan perbincangan seterusnya memperlihatkan lakuan ilokusi berkembang kepada komisif yang mendorong penutur untuk menyatakan persetujuan dan memerlukan kepada tindakan seterusnya dilakukan. Pada akhir perbincangan, lakuan ilokusi seolah-olah menggambarkan satu bentuk “pengisytiharan” apabila kedua-dua pihak bersetuju dan mencapai kata sepakat berkaitan dengan rundingan yang dijalankan. Kesemuanya ini berlangsung dalam suasana yang santun tanpa menyinggung perasaan pihak yang terlibat.

Penggunaan Maksim Budiman/Kedermawan

Masyarakat adat Perpatih mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain dalam kehidupan hariannya. Misalnya dalam sesuatu pekerjaan yang dilakukan bersama-sama, setiap anggota masyarakat itu berhak untuk mendapatkan faedah yang sama, walaupun kadar bilangannya agak terhad. Perkara yang dipentingkan ialah cara pelaksanaannya. Keadaan ini dijelaskan melalui kata perbilangan berikut:

Berat sama dipikul,
ringan sama dijinjing,
hati kuman sama dicecah,
hati gajah sama dilapah,
ke bukit sama didaki,
ke lurah sama dituruni,
ke laut sama direnangi.

Perbilangan di atas adalah gambaran perlakuan anggota masyarakat adat Perpatih dalam kehidupan sehari-hari. Kata-kata itu juga menguatkan hujah bagi membuktikan bahawa kerjasama adalah prinsip yang utama bagi anggota masyarakat yang beradat Perpatih. Sebarang hal harus dilalui bersama, dan sebarang keuntungan atau kerugian juga harus dirasakan bersama.

Perbilangan di atas disampaikan melalui penggunaan bahasa yang tepat dan khusus, perkataan “berat” disetarakan dengan “pikul” dan perkataan “ringan” disetarakan dengan “jinjing”. Sememangnya “berat” untuk dipikul dan “ringan” untuk dijinjing. Tambahan pula, ungkapan ini telah acap kali digunakan oleh masyarakat Melayu keseluruhannya dan bukan hanya tertumpu kepada masyarakat adat Perpatih di Negeri Sembilan sahaja. Perbilangan ini antara lain memperlihatkan satu haluan, satu perkataan dan satu perjuangan sesama setia misalnya dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan itu haruslah bersama-sama dan tiada wujudnya perasaan hasad dengki untuk menuju matlamat atau arah yang sama.

Saranan kata perbilangan di atas selaras dengan maksim budiman/kedermawan yang disarankan oleh Leech. Maksim budiman/kedermawan ialah maksim yang meminimumkan manfaat atau keuntungan bagi diri sendiri dan berusaha memaksimumkan kos bagi diri sendiri (memperbesar keuntungan pendengar). Tegasnya maksim ini lebih berpusatkan kepada diri sendiri. Jika setiap orang melaksanakan maksim budiman/kedermawan ini dalam ujaran dan perbuatan sehari-hari, kemungkinan sifat dengki, iri hati dan sakit hati antara sesama manusia dapat dihindarkan. Melalui maksim ini, pernyataan seseorang itu merupakan

suatu tawaran atau ungkapan yang sopan seperti bantuan, pertolongan dan kasih sayang dan kesepakatan yang memungkinkan terhindarnya rasa dengki dan iri hati sesama manusia. Kesantunan yang wujud dalam bentuk tawaran atau pelawaan yang beradab kerana kata perbilangan ini lebih memanfaatkan pendengar daripada penutur sendiri dan secara tidak langsung kedua-duanya memberi kesan kos atau kerugian kepada penutur. Namun “kerugian” pada peringkat ini bertimbal balik dengan “keuntungan” yang bakal diperoleh ekoran wujudnya sikap “tolak ansur” antara penutur dan pendengar.

Dari segi fungsi ilokusinya kata perbilangan ini dapat dikategorikan sebagai beramah tamah yakni matlamat ilokusi sama dengan matlamat sosial. Dalam kata perbilangan ini persamaan matlamat itu muncul dalam bentuk jemputan atau pelawaan untuk bekerjasama dalam melakukan sesuatu tindakan atau perbuatan agar kos perbuatan yang dilakukan itu dapat diringankan. Pada masa yang sama juga fungsi ilokusi ini dapat mempererat hubungan antara ahli masyarakat melalui rasa “keterikatan” sebagai ahli kepada masyarakat tersebut.

Lakuan ilokusi pula memperlihatkan wujudnya unsur penegasan yang mendorong rasa tanggungjawab penutur terhadap kebenaran proposisi yang diungkapkannya yakni kesediaan untuk bersama-sama dalam menghadapi keadaan susah mahupun senang. Sekiranya perkara ini dikaitkan hubungan rumah tangga atau hubungan suami isteri pula, kata perbilangan ini menunjukkan matlamat sepakat antara orang semenda menyemenda (perkahwinan) dan juga antara orang semenda dengan orang tempat semenda. Dalam hubungan persahabatan pula, kata perbilangan ini boleh dikaitkan dengan pakatan antara seseorang atas nama dirinya dengan rakannya. Perkara pokok yang dituntut oleh kata perbilangan ini adalah keteguhan setia dan ketabahan hati sama ada semasa susah, senang, rugi, laba dan sebagainya.

Penggunaan Maksim Sokongan/Sanjungan

Dalam masyarakat adat Perpatih setiap anggotanya mempunyai tugas-tugas yang tersendiri. Tugas-tugas ini akan melambangkan pengiktirafan terhadap kewujudan dan peranan seseorang individu dalam masyarakat yang dianggotainya walau bagaimanapun keadaan seseorang itu. Perkara ini dijelaskan dalam kata perbilangan di bawah:

Jika cerdik teman berunding,
jika bodoh disuruh arah,
yang buta penghembus lesung,
yang patah menunggu jemuran,
yang pekak pencucuh meriam,

yang berani buat kepala lawan,
yang kaya hendakkan emasnya,
yang miskin hendakkan kerjanya,
yang alim hendakkan doanya,
yang jahil hendakkan aminnya.

Kata perbilangan di atas juga boleh dijadikan bukti bahawa kerjasama merupakan prinsip utama dalam masyarakat. Setiap individu adalah hak masyarakatnya, justeru kehadirannya dalam masyarakat tersebut diberi pengiktirafan, sokongan dan sanjungan mengikut kemampuan masing-masing. Setiap individu tersebut tidak boleh hidup dengan mementingkan diri sendiri sahaja. Kiranya seseorang itu cerdik serta mempunyai akal fikiran dan pengetahuan yang luas, maka buah fikirannya sangat diperlukan bagi membangunkan masyarakatnya. Lebih-lebih lagi dalam hal untuk mewujudkan kebaikan dalam kalangan anggota masyarakat itu sendiri.

Begitu juga bagi individu yang mempunyai kekayaan dari segi wang ringgit dan harta benda. Golongan ini sangat-sangat diperlukan untuk membantu anggota masyarakat lain yang kurang bernasib baik dalam kehidupan sehari-hari. Bantuan boleh dihulurkan dalam pelbagai bentuk yang bersesuaian dengan keperluan golongan tersebut. Manakala bagi yang miskin atau yang tidak mempunyai harta benda, mereka masih mempunyai peranan dalam masyarakat. Mereka boleh melakukan kerja-kerja yang menggunakan tulang empat kerat yang ada padanya.

Begitu juga sekiranya individu itu kaya dengan ilmu pengetahuan agama (alim), maka doanya sangat-sangat diperlukan lebih-lebih lagi apabila mengadakan majlis kenduri atau bacaan doa selamat. Sebaliknya mana-mana yang dianggap “jahil” tentang pengetahuan agama itu adalah diharapkan bersama-sama menjadi pengikut. Itulah yang dimaksudkan dengan “yang alim hendakkan doanya, yang jahil hendakkan aminnya”.

Selain itu, pengiktirafan, sokongan dan sanjungan turut diberi kepada anggota masyarakat yang lain walaupun mereka itu pekak, buta, patah, miskin dan sebagainya. Setiap satunya dengan peranan masing-masing berdasarkan kemampuan mereka. Dalam kehidupan masyarakat seharian keadaan seperti ini memang wujud. Walaupun mereka cacat tetapi mereka tidak disisihkan malah diberikan tugas yang sesuai dengan kecacatan yang dialami. Jadi di sinilah bukti yang menunjukkan kehalusan dan ketinggian nilai kemanusiaan yang terdapat dalam Adat Perpatih bagi menjaga dan memberangsangkan hati anggota masyarakatnya yang lemah dan cacat supaya mereka tetap merasakan diri mereka dihargai

dan berguna seperti orang lain yang lebih bernasib baik.

Berdasarkan model kesantunan Leech (1983) kata perbilangan di atas dikategorikan kepada maksim sokongan/sanjungan. Menurut Leech, maksim ini ialah maksim yang meminimumkan cacian terhadap orang lain dan memaksimumkan pujian terhadap orang lain. Maksim ini sebenarnya adalah maksim mengampu namun adalah tidak sesuai kerana bunyinya yang tidak sopan dan memberi konotasi yang negatif. Maksim ini biasanya dikaitkan dengan cara memuji dan mengiyakan perbuatan seseorang. Pujian dan pengiyaan tersebut merupakan satu pengiktirafan terhadap seseorang agar individu tersebut meningkatkan semangat dan usahanya untuk melakukan sesuatu perkara dengan sebaik mungkin. Dalam masyarakat Melayu, sokongan yang diberikan bukan untuk tujuan “mengampu” semata-mata sebaliknya untuk memberi sokongan yang ikhlas. Sokongan ini adalah bertujuan memberikan dorongan dan meningkatkan semangat seseorang untuk berusaha dengan lebih gigih dalam melakukan sesuatu perkara.

Secara umumnya fungsi ilokusi kata perbilangan ini masih lagi menekankan aspek beramah tamah yakni selari dengan matlamat sosial. Manakala lakuan ilokusinya pula ialah bertujuan untuk membuat penegasan. Dalam konteks ini adalah penegasan, pengiktirafan, sokongan dan sanjungan terhadap peranan setiap anggota dalam masyarakat adat Perpatih. Dari satu sudut yang lain kata perbilangan ini juga boleh membawa lakuan ilokusi ekspresif yakni lakuan yang mengungkapkan atau menyerlahkan sikap psikologi penutur terhadap sesuatu keadaan. Setiap anggota masyarakat disarankan “berbudi” kepada masyarakatnya. Budi adalah sebagai tanda menghargai sanjungan yang diberi. Seseorang anggota masyarakat mempunyai pelbagai cara untuk menabur budi. Mereka yang cerdik, bijak dan berpengetahuan harus berbudi mengeluarkan dan menyebarkan buah fikiran untuk kebaikan bersama.

Penggunaan Maksim Merendah Diri/Kerendahan Hati.

Biar mati anak,

Jangan mati adat

Perbilangan adat di atas, menggambarkan atau memperlihatkan bahawa adat Perpatih adalah suatu sistem undang-undang yang adil. Keadilan tersebut boleh diibaratkan seperti berikut; katakan seorang ayah yang menjadi pemimpin misalnya memegang jawatan sebagai Dato' Lembaga atau Dato' Penghulu hatta Raja sekalipun, apabila mendapati anaknya sendiri melakukan kesalahan sama ada kesalahan kecil atau kesalahan besar yang boleh

mengancam keselamatan negara/negeri, maka si ayah mestilah menjalankan keadilan yang dituntut oleh adat atau undang-undang. Pemilihan kata “mati” di sini bukanlah ertinya dihukum bunuh sahaja sebaliknya membawa maksud hukuman mesti dijalankan meskipun terkena pada anak atau ahli keluarga sendiri.

Dalam keadaan ini si ayah, walaupun memegang jawatan tertentu dan mempunyai kedudukan yang dihormati dalam masyarakat, apabila berhadapan dengan keadaan seperti ini, perlu merendah diri dan menerima ketentuan undang-undang atau peraturan yang telah ditetapkan dengan menjalankan hukuman terhadap anaknya yang telah melakukan kesalahan. Hal inilah yang cuba ditegaskan melalui perbilangan kata di atas.

Namun ungkapan kata perbilangan ini sering menimbulkan kontroversi kerana masyarakat luar adat Perpatih salah faham akan maksud yang tersirat yang cuba disampaikan sehingga mengakibatkan kata perbilangan ini digunakan untuk mencaci adat Perpatih. “Matlamat akhirnya” sentiasa disalah erti atau disalah tafsirkan. Tanggapan masyarakat, terhadap keadilan yang diertikan dari kata perbilangan ini adalah kezaliman. Adat seolah-olah begitu zalim sehingga anak dibunuh, asal adat dapat hidup. Pada hal, maksud utama yang ingin ditegaskan daripada perbilangan ini ialah kesaksamaan yakni pihak yang akan diadili atau dihakimi jika telah melanggar adat (undang-undang atau hukum) tidak kira sama ada pesalah tersebut anak sendiri atau orang lain. Sebagai seorang pemerintah yang tugasnya memelihara keadilan, maka seseorang pemimpin itu mesti bersikap adil dan dia tidak boleh menggunakan kedudukannya untuk ahli keluarganya sendiri.

Dalam hal ini Zainal Kling (1994) menegaskan bahawa undang-undang adat adalah berteraskan keadilan. Oleh yang demikian pelaksanaan adat tidak tersekut oleh tali persaudaraan, kepentingan politik, tekanan rasuah ataupun martabat kedudukan. Justeru itu hubungan darah ini sentiasa menjadi bandingan terhadap kuasa keadilan dalam undang-undang adat.

Menurut Hashim A. Ghani (1974), perbilangan adat ini dicipta daripada semangat keislaman itu sendiri, Iskandar Muda Mahkota Alam Raja Aceh (1603-1636) mendapati anaknya Putra Mahkota bermukah dengan isteri orang, menurut hukum Islam berzina patut dihukum sehingga mati. Maka dengan rasa rendah diri baginda kemudiannya memutuskan bahawa hukuman itu perlu dijalankan ke atas Putra Mahkota. Maka dengan linangan air mata baginda menjatuhkan hukuman bunuh tersebut. Dalam keadaan ini kerana cintanya terhadap hukum maka baginda bersedia untuk merendah diri menerima “penghinaan” ekoran daripada tingkah laku putera baginda. Baginda tidak mengambil kesempatan atas kedudukannya untuk menyembunyikan kesalahan tersebut semata-mata untuk menjaga

kedudukan baginda sebagai raja. Ekoran dari itu maka terbitlah ungkapan “biar mati anak asal jangan mati adat” dari bibirnya. Tujuan perbilangan ini tidak lain ialah supaya adat Perpatih ini dilaksanakan dan dipertahankan terutama dari segi hukumnya, kerana adat ini menuju kebenaran.

Berdasarkan peristiwa yang membawa kepada tercetusnya kata perbilangan ini dikategorikan di bawah maksim merendahkan diri atau kerendahan hati. Melalui maksim ini Leech menegaskan bahawa penutur akan merendahkan diri sehingga kadang kala menyebabkan pendengar merasakan penutur mencaci dirinya dan merupakan lakuan larangan sosial selain bercakap besar. Maksim ini dapat dilihat melalui tutur kata yang disampaikan iaitu kata-kata yang merendahkan diri.

Fungsi ilokusi yang dapat dikesan berdasarkan situasi pengucapan ungkapan kata perbilangan tersebut masih selari dengan matlamat sosial. Iaitu matlamat sosial yang ingin melihat keadilan dilaksanakan sebagaimana yang sepatutnya tanpa mengira darjat dan keturunan individu yang melakukan kesalahan tersebut. Justeru fungsi ilokusinya ialah beramah tamah. Namun satu perkara yang perlu dilihat adalah beramah tamah dalam konteks ini bukanlah untuk mempamerkan “kemesraan yang melampau” sebaliknya beramah tamah dalam konteks ini merujuk kepada sikap seseorang pemerintah yang bersedia untuk “meletakkan” kedudukan dirinya sama sebagaimana kedudukan rakyat biasa dalam menghadapi “keadilan” yang ditetapkan oleh undang-undang atau adat.

Perlakuan ilokusinya pula adalah sebagai satu bentuk arahan yang digunakan untuk menghasilkan kesan tertentu melalui lakuan yang dibuat oleh pendengar. Dalam konteks ini kesan tersebut ialah dalam bentuk perintah untuk melaksanakan hukuman ke atas pesalah sebagaimana hukuman yang ditetapkan oleh undang-undang atau adat. Bagi pihak pendengar pula, “perintah” tersebut perlu dipatuhi. Maka mereka perlu bertindak untuk melaksanakannya. Walaupun dalam peristiwa di atas, pelaksanaan hukuman itu dilakukan oleh raja yang juga merupakan bapa kepada pesalah, tetapi pihak yang mendengar yakni rakyat; masih perlu bertindak balas terhadap arahan tersebut. Sekuang-kurangnya mereka perlu bertindak untuk menyediakan keperluan bagi melaksanakan hukuman yang telah diputuskan sebagaimana termaktub dalam undang-undang.

Ada kalanya maksim ini juga digunakan dalam situasi tertentu iaitu apabila pujian diterima daripada seseorang yang lain. Adalah menjadi kebiasaan apabila dipuji seseorang itu akan menggunakan maksim ini untuk mengelakkan dari lupa diri akibat pujian tersebut. Dalam

masyarakat Melayu umpamanya, maksim ini digunakan untuk menimbulkan perbualan yang harmonis dengan masing-masing tidak memperlihatkan kelebihan diri masing-masing sebaliknya cuba menyatakan kekurangan diri sendiri. Keadaan ini berlaku untuk mengelakkan timbulnya tanggapan negatif kepada penutur seperti sombong, berlagak dan bermegah.

Penggunaan Maksim Persetujuan.

Penggunaan maksim persetujuan dapat dilihat dalam ungkapan kata perbilangan berikut:

Carian bahagi,
dapatan tinggal,
pembawaan kembali.

Apabila berlaku penceraian hidup dalam keluarga masyarakat adat Perpatih maka pihak-pihak yang terlibat akan mengadakan satu kesepakatan bagi mendapatkan persetujuan berkaitan pembahagian harta yang melibatkan pihak yang bercerai tadi. Maka kata perbilangan tersebut sering dijadikan asas bagi mendapatkan persetujuan antara pihak yang terlibat. Walaupun kata perbilangan di atas kelihatannya ringkas tetapi membawa makna yang mendalam.

Menurut model kesantunan Leech (1983) maksim persetujuan bertujuan untuk memperkecil ketidaksepakatan dan memperbesar kesepakatan antara diri sendiri dengan orang lain. Maksim persetujuan ialah maksim yang memperlihatkan kecenderungan seseorang untuk melebih-lebihkan persetujuan terhadap orang lain. Maksim ini akan meminimumkan kerugian kepada pendengar sebaliknya akan memaksimumkan kerugian kepada diri sendiri. Hal ini adalah untuk mengelakkan daripada konflik dan perbalahan di antara satu sama lain.

Maksim ini jelas kelihatan dalam ungkapan di atas. Berdasarkan kepada maksud kata perbilangan, maksim persetujuan tersebut dikaitkan dengan persetujuan pembahagian harta yang melibatkan pasangan yang bercerai. Pertamanya, pembahagian harta telah dipersetujui untuk dilakukan dengan cara “carian, bahagi”. Ungkapan “cari bahagi” ini merujuk kepada harta yang diperoleh atau dapatan bersama sepanjang perkongsian hidup pasangan suami isteri tersebut. Pada hari ini dikenali sebagai harta sepencarian. Harta jenis ini akan dibahagi sama rata. Walaupun begitu persetujuan pembahagian harta jenis ini masih terikat kepada beberapa syarat tertentu. Misalnya, sekiranya mereka telah mempunyai anak hasil

perkahwinan tersebut, sebahagian harta itu akan diberikan kepada isteri sebagai belanja untuk memelihara anak-anak. Hal ini memandangkan menurut kebiasaannya, perempuanlah yang akan mendapat hak penjagaan ke atas anak.

Selain daripada itu ada juga beberapa kekecualian lagi. Harta yang ada di atas tanah pusaka, misalnya rumah dan juga harta diperoleh khusus untuk perempuan seperti barang-barang kemas, juga diserahkan kepada pihak perempuan. Jadi pembahagian harta carian ini mempunyai syarat-syarat yang tertentu. "Harta dapatan" pula dimaksudkan kepada harta yang sedia ada pada isteri sebelum dia mengahwini suaminya. Harta ini tetap tinggal pada isteri walaupun terdapat pertambahan nilai harta isteri itu, umpamanya rumah isteri itu telah diperbesarkan oleh si suaminya, atau di dalam tanah pusaka isteri itu telah ditanam oleh suami pokok buah-buahan. Hal ini disebabkan harta itu adalah harta dapatan si isteri dari "sekadinya". "Harta pembawaan" pula dimaksudkan kepada harta yang dibawa oleh lelaki semasa mereka berkahwin dahulu. Apabila berlaku penceraian maka pihak lelaki berhak untuk menuntut kembali semua harta itu dan dibawa kembali ke tempat asalnya.

Selain itu, maksim ini adalah bertujuan menjaga air muka seseorang. Berdasarkan konsep menjaga air muka seseorang ini lahirlah persetujuan yang menghormati orang yang dilawan bercakap. Justeru persetujuan ini dibuat adalah untuk mengelakkan konflik yang tidak diingini pada masa hadapan.

Dilihat dari segi fungsi ilokusinya pula kata perbilangan ini seolah-olah kelihatan bersaing dengan matlamat sosial. Pada satu keadaan si suami ingin menceraikan isterinya, dan pada keadaan yang lain pula dia terpaksa meninggalkan sebahagian hartanya kepada bekas isterinya. Namun apabila diteliti dengan lebih mendalam, dengan merujuk kepada asal datangnya harta tersebut dan beban yang terpaksa dipikul oleh si isteri selepas ketiadaan suaminya kelak, fungsi ilokusi berubah kepada fungsi ramah-tamah. Hal ini adalah bagi mengelakkan timbulnya masalah yang tidak diingini pada kemudian hari. Apatah lagi sekiranya pada masa itu pihak yang bercerai telah membina keluarga yang baru dan mempunyai kehidupan yang baru.

Dari segi lakuan ilokusinya pula ungkapan tersebut mempunyai dua tujuan iaitu sebagai penegasan dan bertujuan komisif. Lakuan ilokusi penegasan dapat dilihat akibat dari perlakuan tersebut penutur perlu bertanggungjawab terhadap kebenaran ungkapan yang diujarkannya dan pada masa yang sama penutur secara tidak langsung juga seolah-olah terikat dengan janji melalui ungkapan yang diujarkannya itu.

Kesimpulan

Perbuatan atau perlakuan santun berbahasa sangat penting untuk diberi perhatian dalam kehidupan sosial bagi menghindari konflik yang mungkin terjadi dalam setiap interaksi komunikasi. Namun, kesantunan dalam bertutur diterapkan secara berbeza pada setiap kebudayaan kerana setiap ujaran tidak terlepas dari konteksnya. Bagi masyarakat pengamal adat Perpatih, elemen kesantunan bahasa jelas tergambar melalui penggunaan kata perbilangan adat. Hal ini memandangkan dalam kehidupan seharian ada kalanya tidak semua pengaliran perkara kelihatan sopan apabila diujarkan secara terus terang dalam keadaan yang terbuka, terutamanya hal-hal yang berkaitan dengan peraturan yang mesti dipatuhi dalam kehidupan bermasyarakat. Justeru dalam masyarakat adat Perpatih, kata perbilangan adat dijadikan landasan ujaran sopan khususnya untuk membuat penegasan yang ada kalanya mungkin akan menyinggung perasaan pihak-pihak tertentu. Tambahan pula perbilangan adat Perpatih adalah lambang ketinggian pemikiran orang Melayu khususnya di Negeri Sembilan. Hal ini disebabkan penggunaan bahasa dalam kata perbilangan adat Perpatih ditunjangi dengan beberapa unsur yang menjadikannya begitu kental dan mantap. Jelas dapat dilihat, melalui kata yang digunakan untuk mengungkapkan pemikiran yang sarat dengan pengertian mendalam.

Apabila ditinjau dari segi strategi kesantunan oleh Leech (1983), didapati kata perbilangan adat mengandungi hampir semua maksim kesantunan seperti yang disarankan oleh Leech. Dalam konteks ini didapati penggunaan kata perbilangan adat mampu mengurangkan ungkapan yang tidak beradab dan membanyakkan pendapat yang beradab selaras dengan faktor budaya masyarakat dan psikologi pengguna dalam menyampaikan maksud dengan berkesan. Ujaran-ujaran yang diungkapkan itu mungkin tidak disenangi oleh pendengar tetapi tidak pula membuatkan pendengar berasa hati atau tersinggung perasaannya.

RUJUKAN

- A. Samad Idris (1974). "Kemurniaan Dalam Adat Perpatih". Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan. 10-12 April 1974.
- A. Samad Idris (1994). Secebis Mengenai : Adat Perpatih, Nilai dan Falsafahnya dlm. Adat Merentas Zaman, peny. A. Samaad Idris, Norhalim Ibrahim, Muhammad Tainu dan Dharmala NS. Negeri Sembilan : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- A. Samad Idris, Norhalim Hj. Ibrahim, Hj. Muhamad Tainu, Dharmala N.S. (1994). *Adat Merentas Zaman*. Seremban Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- Dharmawijaya (1994). Perbilangan Adat Perpatih Ditinjau dari Keindahan Bahasa dlm Adat Merentas Zaman, peny. A. Samaad Idris, Norhalim Ibrahim, Muhammad Tainu dan Dharmala NS. Negeri Sembilan : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.
- Gorys Keraf (1984). *Diksi dan Gaya Bahasa*. Jakarta: Nisa Indah
- Hashim Ghani (1974). "Kata Perbilangan dan Tafsirannya". Kertas Kerja Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih, Seremban (10-12 April 1974).
- Mohd Yusof bin Mohd Nor (1994). Perlambangan dalam Perbilangan Adat Perpatih dlm Adat Merentas Zaman, peny. A. Samaad Idris, Norhalim Ibrahim, Muhammad Tainu dan Dharmala NS. Negeri Sembilan : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan
- Nordin Selat (1975). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur : Utusan Melayu (M) Berhad.
- Norhalim Hj. Ibrahim (1993). *Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temengung*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Norhalim Hj. Ibrahim (1996). *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti.
- Zaaba (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling (1994). "Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat" dlm. A. Samad Idris et. al, *Adat Merentas Zaman*, Seremban : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan.